

512:  
MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 1.00 TENGAHARI INI)

1974

KUALA LUMPUR, 23 OKTOBER (BERNAMA)-- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYERU NEGARA-NEGARA MAJU MENGAMALKAN DASAR HARGA YANG LEBIH ADIL DAN SAKSAMA, TERUTAMA UNTUK BAHAN-BAHAN DARI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

KATANYA, JIKA AMALAN INI DILAKSANAKAN, BANYAK NEGARA MEMBANGUN AKAN MENJADI LEBIH KAYA LAGI DARI KEDUDUKAN MEREKA SEKARANG.

DENGAN KEDUDUKAN YANG SEMAKIN KAYA, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BUKAN SAJA KURANG BERGANTUNG KEPADA UNESCO UNTUK BANTUAN TETAPI MUNGKIN JUGA DAPAT MEMBERI SUMBANGAN UNTUK KERJA-KERJA UNESCO.

DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP DI SIDANG KE 18, PERSIDANGAN AGUNG PERTUBUHAN PENDIDIKAN, SAINS DAN KEBUDAYAAN BANGSA-BANGSA BERSATU DI PARIS. NASKAH UCAPAN BELIAU DIKELUARKAN DISINI HARI INI.

MENURUTNYA HASIL UTAMA MALAYSIA SENTIASA TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN HARGA BAHAN DIDINIA YNG DIKAWAL OLEH NEGARA-NEGARA MAJU.

BELIAU MENYATAKAN HARGA BIJEH DAN GETAH MALAYSIA TIDAK ADA HUBUNGANNYA DENGAN KEGUNAAN BAHAN-BAHAN TERSEBUT DI SEKTOR PERKILANGAN.

OLEH SEBAB ITU, KEKAYAAN MALAYSIA TIDAK SEIMBANG DENGAN KEMAJUAN PERUSAHAAN DAN KEPINTARAN RAKYATNYA, KATANYA.

— BERSAMBUNG 1125/1B

513:

MAHATHIR: KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENTERI ITU MENYATAKAN ANALISA BANTUAN UNESCO MENUNJUKKAN BAHAWA BANTUAN ITU LEBIH BERKSN SEKIRANYA NEGARA PENERIMA BANTUAN ITU MEMPUNYAI KEDUDUKAN YANG LEBIH BAIK.

SEBAGAI CONTOH, PEMBAIKAN KEADAAN PELAJARAN MENERUSI BANTUAN UNESCO ADALAH LEBIH MELUAS DISESEBUAH NEGARA YANG MEMPUNYAI SISTEM PENDIDIKAN MENYELURUH YANG DIBIYAI DENGAN BAIK DARI NEGARA YANG TIDAK BEGITU SEMPURNA PEMBIAYAANNYA.

BELIAU BERHARAP SIDANG LUAR BIASA PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU TAHUN DEPAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MASALAH-HARGA BAHAN YANG TIDAK ADIL INI.

DR. MAHATHIR JUGA MENENTANG KERAS TERHADAP PENYEBARAN KEBUDAYAAN YANG TIDAK DIINGINI KE NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

AMALAN SEPerti PENAGEHAN DADAH, BERKELAKUAN SEPerti HIPIS DAN TIDAK MEMATUHI UNDANG-UNDANG AKAN MENGHALANG KEMAJUAN SERTA MEMBANTUTKAN PERKEMBANGAN PELAJARAN.

BAGAIMANA PUN, UNESCO SEDANG MEMBANTU NEGARA ASIA TENGGARA MEMUPUK KEBUDAYAAN KEBUMIPUTRAAN SEBAGAI HALANGAN MENENTANG PENGARAH KEBUDAYAAN DARI BARAT.

BELIAU BERHARAP USAHA UNESCO DALAM BIDANG INI AKANM DIBERI DIMENSI BARU DAN USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH DIJALANKAN DISEMUA BIDANG MENENTANG PENGARAH YANG MEMBINASAKAN DENGAN MENGEKAL DAN MENGEMBANGKAN KEBUDAYAAN NASIONAL KEBUMIPUTRAAN YANG SEJAJAR DENGAN KEMAJUAN DAN PERKEMBANGAN. -- BERNAMA 1133/1B